

Rooting guna peranti android

APAKAH kelebihan dan keburukan sekiranya membuat *rooting* kepada peranti berasaskan sistem Android?

- Hisham, Johor.

Gajet (alatan), komputer atau telefon pintar berasaskan sistem Android banyak digunakan di pasaran pengguna teknologi kini dengan pelbagai versi dan pakej. Namun begitu, ada versi atau pakej sistem Android yang digunakan memerlukan dibuat *rooting* sebelum memuat turun sesebuah aplikasi atau mempunyai masalah dalam membuat pengubahsuaian atau pergantian sesuatu dalam aplikasi sistem.

Masalah ini timbul kerana pihak pembangun mahu melindungi gajet berasaskan sistem Android itu daripada berkemungkinan dicerobohi dan diserangi mana-mana serangan Malware. Jadi, bagi membolehkan pemilik gajet berasaskan sistem Android untuk berbuat apa sahaja

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

kepada sistem dan gajet tersebut dengan melakukan *rooting* pada sistem gajet itu.

Jadi, seterusnya dibincangkan beberapa kelebihan dan kekurangan dalam melakukan *rooting* pada gajet berasaskan sistem Android.

Kekurangan

1 Perbuatan *rooting* boleh menyebabkan pembatalan jaminan gajet tersebut.

2 Kesilapan dalam membuat *rooting* boleh menyebabkan gajet bermasalah dan rosak.

Kelebihan

1 Pemasangan sistem Android versi terkini ke atas gadget yang lama.

2 Pemasangan aplikasi yang memerlukan kebenaran *root*.

3 Boleh membuat sandaran bagi setiap bit dalam sistem gajet.

4 Boleh meningkatkan prestasi atau keupayaan sesuatu fungsi atau komponen seperti pemproses, capaian tanpa wayar dan sebagainya.

5 Dapat mengawal sepenuhnya ke atas aplikasi sistem Android dan perkakasnya seperti sensor, penggunaan butang dan sebagainya.

6 Berupaya menyekat aplikasi iklan yang sering dipaparkan menerusi aplikasi dalam gajet.

7 Berupaya membuang aplikasi Bloatware yang sedia ada dipasang ke dalam gajet.

Pastikan diketahui secara terperinci cara dan apa yang dibuat *rooting* ke atas gajet sistem Android tersebut. Sekiranya tidak, elakkan daripada membuat *rooting*.